

Kutip sampah rumah ke rumah

Kerajaan negeri mahu pastikan pengurusan sampah di sekitar Kuala Terengganu lebih tersusun, rangka 3 strategi baharu

KUALA NERUS – Kerajaan negeri melalui Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sedang merangka tiga strategi baharu untuk memastikan pengurusan sampah di bandar raya ini dilaksanakan dengan lebih tersusun.

Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Kerajaan Tempatan dan Perumahan), Zainal Abidin Hussin berkata, perancangan yang akan diperkenalkan pada Mei ini nanti adalah membabitkan kebersihan longkang, memotong rumput, pungutan sampah dan kutipan dari rumah ke rumah.

“Sekarang kita mempunyai 14 zon bagi kerja pembersihan dan kutipan sampah, bagaimanapun dalam perancangan terbaru yang dijangka Mei ini, ia akan ditambah kepada 36 zon membabitkan tiga kategori pembersihan.

“Tujuan kita adalah untuk mengurangkan pembuangan sampah di tong sampah awam yang terdapat di tepi jalan. Buat permulaan, kita akan beri tumpuan di taman perumahan sekitar bandar raya ini,” katanya pada majlis Pelancaran Program Sifar Sampah dan Kitar Semula Taman Kuala Terengganu Golf Resort (KTGR), Tok Jemal, di sini.

Kata Zainal Abidin, perancangan terbaharu itu diharap dapat membantu mengurangkan jumlah sampah yang dibuang, dengan menekankan pengurusan sampah cara moden



Zainal Abidin (dua, kanan) turut serta dalam program kebersihan di Taman Kuala Terengganu Golf Resort.

iaitu kaedah kitar semula.

“Kita harap perancangan terbaru dalam mengurus sampah ini berupaya mengurangkan jumlah kutipan kera-

na ketika ini, MBKT mengutip kira-kira 400 tan sampah di kawasan bandar setiap hari.

“Justeru, konsep pengurusan cara moden dan kutipan

dari rumah ke rumah akan dapat mengurangkan jumlah sampah dan membantu kerajaan mengurangkan kos pengurusan sampah yang agak

tinggi,” katanya.

Menurutnya, selaras dengan konsep Transformasi Terengganu Baharu (TTB) yang menekankan aspek kebersihan, perancangan baharu yang akan diperkenalkan itu nanti diharap dapat direalisasikan dengan jayanya.

Mengulas mengenai program perintis membabitkan komuniti itu, Zainal Abidin berharap kawasan lain akan mencontohi usaha itu bagi memastikan lebih ramai menyedarinya, sekali gus turut bersama PBT dalam menjaga kebersihan di tempat awam dan kawasan kediaman.

Sementara itu, program tersebut merupakan anjuran MBKT bersama Kelab Kejiranan Taman KTGR, JPAM, Unisza, RD Paper, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Rela.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS	
SUBUH	6:02
SYURUK	7:18
ZOHOR	1:21
ASAR	4:36
MAGHRIB	7:21
ISYAK	8:30